

**Soalan 1 – Morforlogi**

**Kata Majmuk** [terima empat sahaja]

- (i) **Jati diri**
  - sifat atau ciri yg unik dan istimewa (dr segi adat, bahasa, budaya, agama dsb) yg menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dsb, identiti: pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan ~ bangsa dan semangat patriotik yg utuh; pengisian program kebudayaan ini penting bagi membentuk sahsiah dan ~ belia masa ini. (Kamus Dewan Edisi Keempat)
  
- (ii) **media sosial**
  - Laman web dan alat Internet yang membolehkan perkongsian kandungan, gambar, video, pautan, dan pendapat antara pengguna.
  
- (iii) **bertanggungjawab**
  - atas (terhadap, tentang, dlm) mempunyai tanggungjawab terhadap, memikul tanggungjawab, berkewajiban: siapakah yg ~ atas kekalahan kita?
  - kpd menanggung segala-galanya, menanggung sesuatu kpd: kakitangan ~ kpd majikan mereka; kedua-dua pihak sama ~; (Kamus Dewan Edisi Keempat)
  
- (iv) **campur tangan**
  - mengambil bahagian dlm atau memasuki hal orang (kejahatan dll); b) terkait atau terlibat dlm hal orang dll; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

(v) warganegara

- rakyat sesebuah negara (yg terdiri drpd penduduk asli tempatan ataupun orang asing yg telah diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang): ~ Malaysia; mewarganegarakan menjadikan warganegara; kewarganegaraan perihal warganegara, kerakyatan sesebuah negara: tidak seorang pun boleh dilucuti ~nya secara sewenang-wenang; pewarganegaraan perihal mewarganegarakan. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

[Maksimum : 8 markah]

**Soalan 2- Sintaksis**

**Soalan : 2 (ayat tanya)**

- I. **Bilakah** pengambilan sarapan dilakukan?  
Pengambilan sarapan dilakukan **bila**? 1m
  
- II. **Mengapakah** ada juga orang yang tidak bersarapan?  
Ada juga orang yang tidak bersarapan **mengapa**? 1m
  
- III. **Di manakah** pengambilan sarapan boleh dilakukan?  
Pengambilan sarapan boleh dilakukan **di mana**? 1m
  
- IV. **Apakah** risiko jika pengambilan sarapan diabaikan oleh pesakit diabetes?  
Risiko jika pengambilan sarapan diabaikan oleh pesakit diabetes **apa**? 1m
  
- V. **Siapakah** dimestikan untuk mengambil sarapan?  
(Golongan/Orang) Yang dimestikan untuk mengambil sarapan **siapa**? 1m
  
- VI. **Bagaimanakah** pengambilan menu sarapan yang sihat, seimbang dan lengkap?  
Pengambilan menu sarapan yang sihat, seimbang dan lengkap **bagaimana**? 1m

Maksimum :6 markah

**Soalan 3 – Penyuntingan (Pelbagai kesalahan bahasa)**

**Bahan 1**

- (i) berunifom - beruniform
- (ii) Antara kebaikan- kebaikan - Antara kebaikan / Kebaikan-kebaikan
- (iii) kosong - lapang
- (iv) ibubapa - ibu bapa
- (v) menggalakan - menggalakkan
- (vi) sebab - kerana

[6 markah]

**Bahan 2 [terima 5 sahaja]**

- (i) di dalam - dalam
- (ii) luas - besar
- (iii) panjang - lanjut
- (iv) bertugas - bertugas
- (v) Juru terbang - juruterbang
- (vi) memerlukan - diperlukan

[5 markah]

[Maksimum : 11 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Terdengar khabar di Melaka bahawa Cau Pandan telah meninggal dunia, sakit muntah darah, dadanya ibarat terkena panah. Sultan Muzaffar Syah telah mendengar berita itu, baginda bertitah, "Benarlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah suci." ||

Baginda memuji-muji Tuan Sidi Arab itu dan menganugerahinya dengan selayaknya. ||

[Maksimum : 6 markah]

**Soalan 5 -Peribahasa**

*Peribahasa berdasarkan situasi. [ terima dua sahaja]*

- (i) Mencegah lebih baik daripada mengubati
- (ii) Kerana nila setitik rosak susu sebelanga / seekor kerbau membawa lumpur semuanya habis terpalit / ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua
- (iii) Bersatu teguh, bercerai roboh / seikat bak sirih, serumpun bak serai

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 6**

- I. Maksud **arah bertentangan** ialah
- hala berhadapan.....2m
  - arah berhadapan.....1m
  - hala bertentangan.....1m

- II. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, punca kemalangan motosikal berlaku ialah...

**Bahan 1**

- Motosikal mangsa cuba memotong kereta dan memasuki laluan kanan menyebabkan lori tidak sempat mengelak.

**Bahan 2**

- sikap penunggang motosikal yang cuai dan mengabaikan keselamatan diri

[Maksimum : 3 markah]

[ Isi cukup :2 isi ]

III. Pada pendapat saya, kemalangan melibatkan remaja yang tidak mempunyai lesen memandu begitu sukar dibendung kerana ...

- kehairahan remaja untuk menunjukkan kehebatan dalam kalangan rakan sebaya.
- mekanik motosikal berterusan memberikan habuan kepada remaja yang sanggup menguji enjin sudah diubah suai.
- Ibu bapa membenarkan remaja menggunakan kenderaan tanpa lesen.
- Pengaruh rakan sebaya.

[Maksimum : 3 markah]  
[ Isi cukup : 2 Isi ]

IV. Cara untuk saya meyakinkan ibu bapa sahabat saya ialah...

- berjumpa ibu bapa sahabat untuk berbincang tentang hal konvoi berbasikal.
- Memaklumkan kepada mereka bahawa saya telah mendapat keizinan daripada ibu bapa saya untuk menyertai konvoi berbasikal.
- menunjukkan surat daripada pihak penganjur tentang konvoi berbasikal kepada ibu bapa sahabat saya.
- memujuk mereka dengan cara yang berhemah.

[Maksimum : 4 markah]  
[ Isi cukup: 3 isi ]

\* NOTA: Jawapan-jawapan lain yang sesuai boleh diterima

### Soalan 7

(i) Maksud mencalit sejarah hitam ialah [2 markah]

- Mencatat / melakar peristiwa tragis / buruk - 2m
- Mencalit peristiwa tragis - 1m
- Mencatat sejarah hitam - 1m

[maksimum: 2 markah]

(ii) Kesan-kesan buruk yang diperoleh apabila semangat perpaduan tidak diamalkan oleh semua kaum ialah

#### Bahan 1

- Keharmonian negara pasti tergugat
- Ekonomi negara pasti terkulai
- Tragedi berdarah pasti berulang

#### Bahan 2

- Bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.
- Darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan.

\* NOTA: Jawapan mestilah berdasarkan semua bahan

[isi cukup: 2 Isi]  
[maksimum: 3 markah]

(iii) Pada pendapat saya, peranan-peranan pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid ialah

- aktiviti perbincangan dalam kumpulan – murid-murid akan belajar nilai bekerjasama, tolong-menolong dan hormat-menghormati.
- Program RIMUP – Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
- Program Sambutan Hari Raya, Hari Keluarga
- Penglibatan murid berbilang kaum dalam kelab / persatuan dan badan-badan beruniform.

**(peranan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[isi cukup: 3 isi]**

**[maksimum: 4 markah]**

(iv) Sebagai keluarga yang prihatin, langkah-langkah yang dapat saya sekeluarga lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk di kawasan kejiranan ialah ...

- Mengadakan majlis kesyukuran dan menjemput penduduk di kawasan kejiranan supaya dapat berkenal-kenalan dengan jiran-jiran.
- Melibatkan diri dan ahli keluarga dalam aktiviti-aktiviti kejiranan seperti gotong-royong, sukaneka, dan rukun tetangga.
- Saling ziarah-menziarahi jiran-jiran di kawasan kejiranan.
- Mengamalkan nilai prihatin, tolong-menolong dengan masalah jiran sekeliling.
- Saling bertukar juadah dan makanan dengan jiran tetangga.
- Saling bertegur sapa dan bertanya khabar ketika bersua dengan jiran.

**(langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[isi cukup: 3 isi]**

**[maksimum: 4 markah]**

**i. Soalan 8**

Kebaikan yang diperoleh oleh ibu Geetha selepas menjalani rawatan tradisional dengan datuk Lili ialah

- Penyakit ibu Geetha semakin sembuh
- Ibu Geetha lebih konsisten dalam pengambilan herba untuk rawatan penyakitnya.
- Ibu Geetha tidak lagi bertukar-tukar ubat yang mengakibatkan penyakitnya semakin mudarat.

[Maksimum : 4 markah]  
[ Isi penuh 3 isi ]

**ii. Peristiwa Gembira**

Novel Jendela Menghadap Jalan	Novel Songket Berbenang Emas
<p>1. <u>Peristiwa masalah keganasan rumah tangga yang dihadapi oleh Che Jah Berjaya diselesaikan.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat keluarga Che Jah hidup lebih selamat tanpa ketakutan.</p>	<p>1. <u>Peristiwa Nek Kiah insaf akan perbuatannya dan sikapnya terhadap keluarga Dahlia apabila Dahlia dan emaknya yang banyak membantu beliau Ketika sakit sedangkan anak yang disayanginya langsung tidak menziarahinya.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat perubahan sikap Nek kiah.</p>
<p>2. <u>Peristiwa Haziq dan Rafiq akhirnya insaf akan perbuatannya yang terlibat dalam masalah sosial seperti mencuri harta orang kampung dan menagih dadah.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat perubahan sikap anak-anak Che Jah.</p>	<p>2. <u>Peristiwa rumah Embong yang musnah akibat banjir telah dibina oleh penduduk kampung semula secara bergotong-royong.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat masalah yang dihadapi Embong berkaitan dengan tempat tinggal telah diselesaikan.</p>
<p>3. <u>Peristiwa Lili memaafkan kesalahan haziq dan Rafiq yang telah menculiknya, walaupun Tindakan mereka itu tidak baik.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana Lili sanggup memaafkan orang yang pernah menculiknya.</p>	<p>3. <u>Peristiwa Dahlia berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat kesungguhan dan usaha gigih Dahlia untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan STPM walaupun dia telah menghadapi pelbagai dugaan dalam hidupnya.</p>
<p>4. <u>Peristiwa Lili, Geetha dan Danel menyelesaikan isu kubah surau yang dihadapi oleh penduduk kampung Sentosa. Isu ini telah menyebabkan generasi muda dan generasi tua tidak sependapat.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana isu ini dapat diselesaikan dengan baik, dan suasana di kampung itu harmoni semula.</p>	<p>4. <u>Peristiwa pertunangan Dahlia dengan Azhari.</u> Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira pembaca kerana Dahlia bertunang dengan Azhari yang merupakan seorang pemuda yang menyukai Dahlia dan mengambil berat akal hal Dahlia dan keluarganya.</p>

[Maksimum : 6 markah]

### Soalan 9 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]

		Markah
P1	Rumusan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab/ punca-punca mendorong pelancong luar dan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah mempopularkan sektor pelancongan negara kita.	2
P2	Rumusan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab/ punca-punca mendorong pelancong luar melancong ke negara kita.	1
P3	Rumusan membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah mempopularkan sektor pelancongan negara kita.	1

Isi [16 markah]

**FOKUS 1** faktor-faktor / sebab-sebab/ punca-punca mendorong pelancong luar

Bahan 1

A1	rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup bersatu padu	2
A2	kemudahan pengangkutan yang semakin maju	2
A3	kemudahan membeli-belah yang disediakan juga menggalakkan pelancong berkunjung ke Malaysia	2
A4	keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun	2
A5	Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik	2

**FOKUS 2** cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah mempopularkan sektor pelancongan negara kita.

Bahan 1

B1	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengadakan pelbagai pertunjukan kebudayaan dan ke seluruh dunia	2
B2	tempat-tempat menarik di Malaysia dipromosikan melalui laman sesawang pelancongan antarabangsa	2

Bahan 2

C1	mengadakan promosi pelancongan yang lebih meluas melalui pelbagai media	2
C2	menyediakan prasarana yang lebih baik.	2
C3	meningkatkan kesedaran rakyat agar bersikap lebih mesra terhadap pelancong	2

**Kesimpulan [2 markah]**

<b>K1</b>	Kesimpulannya, semua pihak harus menyokong sektor pelancongan negara agar dapat memajukan ekonomi negara.	<b>2</b>
<b>K2</b>	Kesimpulannya, semua pihak harus menyokong sektor pelancongan negara.	<b>1</b>
<b>K3</b>	Kesimpulannya, semua pihak harus memajukan sektor ini.	<b>0</b>

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**